

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang dilaksanakan dalam memerangi golongan LGBT yang semakin berleluasa sehingga sanggup mempertikaikan undang-undang dan penguatkuasaannya.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan secara berterusan memberi perhatian terhadap pelbagai perlakuan songsang seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang menular di kalangan masyarakat Islam. Ini kerana gaya hidup LGBT mendedahkan mereka kepada masalah sosial termasuk risiko HIV/AIDS, kecelaruan psikologi dan mental.

Dalam konteks ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri telah mengambil tindakan melalui pendekatan berikut :-

(i) Pencegahan dan Pengukuhan (*Al Wiqayah*)

Pencegahan awal secara menyeluruh dengan memberi pendidikan dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam. Antaranya ialah :-

- a. menyokong dan menyebarkan Deklarasi Kaheerah mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang jelas menentang LGBT;
- b. menyediakan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial (Kecelaruan Gender); dan
- c. menerbitkan Risalah Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan LGBT, Risalah Wanita dan Isu : Pengkid.

(ii) Rawatan dan pemulihan (*Al 'Ilaj wa Shifa'*)

Memberi rawatan kepada mereka yang telah terlibat dengan LGBT.

(iii) Bimbingan dan Nasihat (*Al-Tarbiyah Wa Al Nasihah*)

Menyediakan khidmat nasihat kepada masyarakat awam melalui pelbagai medium.

(iv) Penguatkuasaan dan Pendakwaan

Mendakwa pihak yang bersalah sebagai hukuman agar tidak mengulangi perbuatan itu dan supaya tidak diikuti oleh orang lain. Antara kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]** ialah kesalahan liwat, kesalahan musahaqah, orang lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam,

Walau bagaimanapun, bagi menjayakan usaha tersebut, penglibatan dan kerjasama berterusan antara JAKIM/JAIN dengan Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan sangat diperlukan. Pada masa yang sama, peranan pemimpin masyarakat di peringkat daerah, kampung, taman perumahan seperti Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Penghulu, Ketua Kampung dan anggota masyarakat juga dapat memberi impak positif dalam mengekang isu ini dari menular. Sesungguhnya usaha mengekang isu ini memerlukan komitmen yang jitu dari semua pihak.

Sekian, terima kasih.